

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(B)68

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN BAGAN JERMAL
YB CHEE YEEH KEEN**

68. Mengenai Projek Penaiktarafan Sistem Pembentungan Mak Mandin yang bernilai lebih kurang RM650 juta oleh Jabatan Perkhidmatan Pembentungan.
- (a) Huraikan secara terperinci mengenai fasa serta tempoh pelaksanaan projek.
 - (b) Huraikan jumlah aset awam dan persendirian (contoh: rumah, kilang, rumah kedai, sekolah dan sebagainya) yang terlibat dalam projek tersebut.

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

68. Projek Menaik Taraf Loji Rawatan Kumbahan Serantau (LRKS) di Mak Mandin dan Pembinaan Rangkaian Paip Pembetungan dalam Kawasan Tadahan Butterworth Utara, Pulau Pinang (Reka dan Bina) kini berada di peringkat reka bentuk bagi mendapatkan kelulusan pihak berkaitan seperti Agensi Perakuan Pembetungan, Jabatan Alam Sekitar, Majlis Bandaraya Seberang Perai, Jabatan Kerja Raya dan syarikat utiliti berkaitan. Pelaksanaan projek ini

dijangka akan mengambil masa selama 60 bulan bermula 25 Jun 2024 sehingga 24 Jun 2029.

Pihak kontraktor telah memulakan kerja-kerja awalan bagi mendapatkan maklumat bagi tujuan reka bentuk dan persediaan kerja-kerja fizikal di tapak iaitu pengesanan utiliti, penyiasatan tapak dan kajian keadaan bangunan (dilapidation survey) untuk merekod keadaan bangunan di sekitar tapak pembangunan.

Kerja-kerja pembinaan bagi kedua-dua skop LRKS dan rangkaian paip pembedungan tersebut akan dimulakan setelah kelulusan dan permit kerja berkaitan diperolehi. Kerja pembinaan LRKS dan rangkaian paip pembedungan ini dijadualkan siap pada akhir tahun 2028.

Selanjutnya, kerja-kerja nyah tauliah loji rawatan kumbahan (LRK) sedia ada termasuk di dalam premis Kerajaan akan dilaksanakan di fasa akhir projek pada tahun 2029. Skop keseluruhan projek dijangka akan disiapkan pada 24 Jun 2029.

- (b) Jumlah aset awam yang akan dirasionalisasi dan dinyah tauliah melibatkan projek ini adalah seperti di **Jadual 1**.

**Jadual 1: Aset Awam Yang Terlibat Dengan
Pembangunan Projek**

KETERANGAN	BILANGAN	KESETARAAN PENDUDUK (PE)
LRK awam di atas tanah awam	42	39,930
LRK awam di atas tanah persendirian	7	2,769
LRK di dalam premis kerajaan: i. 4 buah sekolah rendah; ii. 2 buah sekolah menengah; iii. 2 balai polis; iv. 2 pejabat pos; v. 1 balai BOMBA sukarela; vi. 1 pejabat RISDA Negeri; dan vii. 1 pejabat pertubuhan PELADANG.	13	4,050
JUMLAH	62	46,749

